

# Padah **ingkar arahan**

Struktur tambahan kedai diroboh kerana tidak ikut pelan bangunan

**SUNGAIJARUM** - Sebuah pemilik premis perniagaan menerima padah apabila struktur bangunan tambahan yang dibina di atas kaki lima tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa tempatan (PBT) dirobohkan dalam satu operasi penguatkuasaan bersepadu, semalam.

Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL), Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, bangunan tambahan sebuah premis kedai di Pekan Jenjarom itu diarahkan roboh oleh mahkamah berikutan tidak mengikut pelan bangunan dan tiada lesen perniagaan.

Menurutnya, pihaknya menerima perintah mahkamah mengarahkan merobohkan bangunan tambahan yang memasuki rizab longkang Jabatan Kerja Raya (JKR) setelah pemilik premis berkenaan dijatuhi hukuman denda dan satu perintah mandatori di bawah Seksyen 70(15) serta diberikan tempoh untuk mematuhi perintah tersebut oleh pihak mahkamah setelah disabit kesalahan.

"Pada hari ini (semalam), 66 anggota penguat kuasa kita serta kakitangan jabatan yang berkaitan turut serta dalam operasi perobohan struktur bangunan tambahan tersebut.

"Tindakan ini menjadi bukti ketegasan pihak berkuasa tempatan terhadap mereka yang ingkar selaras dengan ikrar integriti perkhidmatan awam," katanya.

Mohd Azhar memaklumkan, beberapa



**Operasi meroboh bangunan tambahan sebuah premis di Pekan Jenjarom, semalam.**

siri surat peringatan turut dikeluarkan pihak MDKL kepada pemilik premis diikuti dengan beberapa surat panggilan untuk mengadakan perbincangan dengan pemilik premis, namun pihak terbabit gagal menghadirkan diri.

**“Tindakan ini menjadi bukti ketegasan pihak berkuasa tempatan terhadap mereka yang ingkar selaras dengan ikrar integriti perkhidmatan awam.”**

- Mohd Azhar

Menurutnya, keadaan itu menyebabkan pihak MDKL selaku PBT bertindak untuk membuat pelaksanaan perintah mahkamah dengan penyerahan Notis Terakhir di bawah Seksyen 72(6), Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974 (133) kepada pemilik premis.

"Kita juga telah memaklumkan niat pelaksanaan perintah tersebut dengan memberikan tempoh selama 30 hari untuk mengosongkan ruangan bangunan yang terlibat pada 11 November lalu.

"Operasi ini berjalan dengan lancar dan berharap mana-mana pemilik premis yang melanggar syarat supaya peka dengan undang-undang yang ada dan perlu dipatuhi supaya tiada masalah lain timbul," katanya.



# Penempatan warga asing terbakar

**TELOK PANGLIMA GARANG**  
- Penduduk sekitar Batu 10 Kebun Baru gempar seketika apabila sebuah penempatan pekerja asing memuatkan 25 penghuni terbakar, di sini kelmarin.

Kejadian berlaku kira-kira jam 10.38 pagi itu membabitkan tiga unit rumah di Jalan Nuri Kampung Batu 10, Kebun Baru yang terbakar secara berperingkat.

Seorang penduduk, Rosniah Musa, 35, berkata, dia melalui kawasan itu untuk ke tempat kerja, namun terkejut apabila melihat asap berkepul di satu kawasan.

Katanya, dia sempat ke penempatan berkenaan dan melihat sendiri keadaan api sudah marak.

"Nasib baik masa tu tak ada orang, yang ada cuma beberapa warga Bangladesh tengah tengok keadaan di kawasan itu.

"Saya pun tak pasti penempatan itu dihuni warganegara mana sebab pelbagai bangsa ada di kampung ni," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Balai

Bomba dan Penyelamat Banting, Mohd Jaslizad Jalil berkata, laporan komander operasi memaklumkan kebakaran melibatkan tiga unit rumah berkeluasan 200 kaki persegi dengan kebakaran hanya sekitar 40 peratus.

Menurutnya, ketika proses pemadaman, tiada mangsa yang terperangkap dalam kebakaran itu.

"Kita percaya waktu kebakaran, mereka sudah keluar ke tempat kerja.

"Bagaimanapun, kita juga terpaksa membuat pemeriksaan di sekitar kawasan bagi mengelakkan api merebak ke kawasan lain," katanya.

Dalam pada itu, operasi pemadaman terkawal kira-kira sejam kemudian dan anggota bomba menamatkan operasi kira-kira jam 1.30 tengah hari.

"Dalam pemadaman itu, kita gunakan satu aliran hos 500 kaki dan tiga pancutan nozel dari pam angkut sumber air terbuka seterusnya ke pam jentera Banting dan Andalas sehingga kebakaran tersebut dipadamkan.

"Punca kebakaran dan jumlah kerugian dalam siasatan," katanya.



Anggota bomba bertungkus-lumus memadamkan api di tiga rumah yang menempatkan 25 pekerja asing di Kebun Baru.